

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)

**Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan berapakah jumlah unit Perumahan
Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang telah disiapkan di seluruh
negara, menurut pecahan tempat dan negeri tetapi tidak diagihkan
dan apakah masalahnya.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek PGBF ini dibahagikan kepada 2 fasa pembinaan, iaitu fasa 1 melibatkan sebanyak 8,470 unit rumah dan fasa ke 2 sebanyak 11,530 unit rumah. Pelaksanaannya adalah setelah meneliti kedudukan lokasi, kesesuaian tapak, keluasan tanah dan permintaan daripada generasi baharu itu sendiri.

Sebanyak 2,574 unit dari Fasa 1 telah mula diagihkan secara berperingkat kepada pemohon yang layak dan dijangka selesai pada akhir tahun 2016. Pihak FELDA telah membiayai sebanyak RM500 juta bagi projek Fasa 1 ini dan baki pembiayaan sedang diusahakan melalui syarikat kewangan tempatan dan dana tambahan daripada pihak kerajaan untuk menampung kos infrastruktur. Bagi pembinaan dalam Fasa ke 2, pihak FELDA telah berada di peringkat akhir bagi mengenal pasti pihak kontraktor yang layak dan berkemampuan dengan menggunakan kaedah Inisiatif Pendanaan Swasta (*Private Fund Initiative – PFI*) yang dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada awal 2017.

Faktor utama kelewatan pembinaan sedia ada adalah disebabkan masalah daripada prestasi kontraktor pembinaan. Sebahagian kontraktor mempunyai kekuatan kewangan yang bergantung kepada bayaran kemajuan pembinaan oleh FELDA. Terdapat juga sebahagian tapak pembinaan memerlukan kos kerja awalan yang besar seperti merata dan menimbus tanah untuk disesuaikan dengan kedudukan bangunan. Selain itu, ulasan daripada agensi teknikal negeri bagi air, jalan dan sistem kumbahan juga memberi kesan kepada kemajuan pembinaan kerana terdapat utiliti yang jauh daripada punca asal.

Sekian, terima kasih.